



Syed Saddiq (tiga dari kiri) dan Rina (dua dari kanan) pada majlis 'Run, Walk & Plog 2019' di Kuala Lumpur, semalam.

## KEGAGALAN SKUAD B-22 DI KEMBOJA

B/HARIAN 25/2/19 M. 85

# Agenda negara perlu diutamakan

**Kuala Lumpur:** Pasukan Liga Malaysia (Liga M) digesa supaya tidak mementingkan diri dan mengutamakan agenda negara dengan bersedia melepaskan pemain mereka menyertai tugas antarabangsa selepas ini.

Keanganan sesetengah pasukan melepaskan pemain menyertai skuad bawah 22 (B-22) tahun menyaksikan Datuk Ong Kim Swee terpaksa mencari pemain gantian untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan pemain terbabit.

Kesannya, skuad negara tidak

memiliki skuad yang mantap sehingga gagal mara ke separuh akhir Kejuaraan B-22 AFF 2019 yang berlangsung di Kemboja apabila menamatkan saingan di tangga ketiga kumpulan.

### Kelab Jepun boleh

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman jelas kecewa dengan situasi terbabit dan beliau mahu setiap pasukan lebih prihatin untuk membantu pasukan negara bagi mengelak masalah sama berulang pada masa akan datang.

Katanya, agenda nasional seharusnya menjadi keutamaan dan mereka sepatutnya tidak 'menutup pintu' kepada pemain mereka yang dipanggil kerana potensi mengharumkan nama negara di arena antarabangsa.

"Jujurnya saya agak kecewa sebab kalau kita lihat kelab di Jepun pun boleh melepaskan pemain mereka mewakili negara tetapi kelab di Malaysia tidak membenarkan pemain kita bermain untuk peringkat kebangsaan.

"Kalau kelab di Jepun boleh,

kenapa Malaysia tak boleh? Ini agak mengecewakan sepatutnya kita memberikan keutamaan kepada pemain kebangsaan.

"Perbincangan bersama perlu dilakukan bagi menyelesaikan kemelut ini demi masa depan bola sepak negara," katanya pada sidang akhbar selepas melepaskan peserta acara larian 'Run, Walk & Plog 2019' anjuran Kelab Rotary Malaysia, semalam.

Turut hadir Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun.

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof